

Bukti kecekapan pengurusan kewangan Sabah: Musa

Sabah dapat

STT kali ke-12

Barnard Yaang

KOTA KINABALU: Sijil Tanpa Teguran (STT) daripada Jabatan Audit Negara yang dianugerahkan kepada Sabah untuk kali kedua belas berturut-turut jelas membuktikan Kerajaan Sabah berjaya menguruskan sumber kewangan negeri dengan cekap dan teratur.

Ketua Menteri Datuk Seri Musa Aman berkata STT itu turut menangkis idea negatif dan dakwaan tidak berasas daripada pihak tertentu yang sering mempertikai kecekapan pengurusan kewangan Sabah.

"Kita amat bangga dengan kejayaan ini kerana ini adalah kali kedua belas kita mencapainya sejak 2000, dan pada masa sama meletakkan Sabah antara negeri terbaik di Malaysia dari segi kebertanggungjawapan dan pengurusan kewangan cekap," kata beliau.

Beliau berkata demikian pada Majlis Anugerah Cemerlang Indeks Kebertanggungjawapan Pengurusan Kewangan Jabatan Audit Negara di Shangri-La's Tanjung Aru Resort and Spa, pada Selasa.

Beliau berkata ini juga petunjuk yang memberi imej positif kepada Sabah. Menyatakan kegembiraannya, beliau berkata separuh daripada agensi Sabah yang diaudit oleh jabatan itu menunjukkan peningkatan prestasi mereka dalam pengurusan kewangan.

Beliau berkata ini membolehkan sesetengah agensi tersebut berdikari sementara agensi lain membayar pinjaman mereka dan juga memberi dividen kepada Kerajaan Sabah.

"Ini petunjuk baik dan positif kerana peruntukan yang disimpan secara berhemat dan juga dividen membolehkan kerajaan melaksanakan pelbagai program pembangunan untuk kebaikan rakyat keseluruhannya," katanya.

Musa, yang juga Menteri Kewangan, berkata terdapat banyak lagi program pembangunan dan agenda yang perlu dilaksanakan. Disebabkan itu, Kerajaan Sabah akan terus memperluaskan sumber pendapatannya supaya pembangunan yang aktif dilaksanakan oleh kementerian, jabatan dan agensi di seluruh Sabah akan terus dipertingkatkan agar seluruh rakyat mendapat manfaat, katanya.

Beliau kemudiannya menyeru perkhidmatan awam untuk berusaha bersama dengan kerajaan untuk menjadikan Sabah sebuah negeri maju selaras dengan halatuju pembangunan

dan kemajuan negara.

Musa berkata semua program yang dirancang akan dilaksanakan dengan kerjasama kuat dan kukuh daripada semua pihak termasuk perkhidmatan awam di Sabah.

Tetapi beliau berkata mereka harus tidak mudah berpuas hati atau selesa dengan pencapaian mereka setakat ini.

"Apa yang penting adalah kita terus meningkatkan usaha kita untuk membolehkan pencapaian ini dikekalkan dan dipertingkatkan demi menyokong pelbagai kegiatan pembangunan di semua peringkat," katanya.

Dengan itu, kata beliau, pengurusan kewangan berhemat wajar menjadi sebahagian budaya dan amalan harian semua pertubuhan. Musa berkata sekiranya ini dicapai, prestasi kewangan Sabah tentu menjadi lebih cekap dan dengan itu meningkatkan daya saingnya.

Mengenai anugerah cemerlang indeks kebertanggungjawapan pengurusan kewangan, beliau berkata, ia dijalankan untuk mewujudkan kesedaran dan juga memberi insentif kepada jabatan dan agensi kerajaan yang telah mencapai taraf empat bintang.

Beliau berkata ini juga membolehkan mereka bekerja dengan lebih tekun, berdedikasi dan menjadi teladan kepada agensi dan jabatan lain.

Pada masa yang sama, anugerah ini adalah untuk memaklumkan rakyat bahawa Kerajaan Sabah menguruskan dana negeri dengan ikhlas dan tekad agar ia tidak dibazirkan tetapi berasaskan peraturan sedia ada.

Musa berkata ketika beliau dilantik sebagai Menteri Kewangan Sabah, banyak agensi kerajaan mengalami kerugian sementara beberapa tidakpun mampu membayar gaji kakitangan.

"Mujurlah, selepas saya memberi mereka nasihat dan pandangan saya, agensi-agensi ini perlahan-lahan mampu membayar pinjaman dan dividen mereka," kata beliau.

Sesetengahnya, seperti Perbadanan Pinjaman Sabah (SCC), kata beliau, berjaya memenangi anugerah.

Enam jabatan dan agensi kerajaan Sabah, iaitu Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Perbendaharaan, Jabatan Percetakan, Lembaga Pekan Kudat dan Koperasi Pembangunan Desa (KPD) masing-masing menerima plak dan RM10,000.

HARIAN EKSPRES
26 SEPTEMBER 2012
MUKA DEPAN



MUSA menyampaikan replika cek bernilai RM10,000 kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah Tan Sri Sukarti Wakiman (kanan) pada majlis itu sambil diperhatikan Ketua Audit Negara Tan Sri Ambrin Buang (dua, kanan) dan Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan Sabah Datuk Pangeran Hassanel Pangeran Tahir (kiri). – Bernama

HARIAN EKSPRES
26 SEPTEMBER 2012
MUKA DEPAN